



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.6/2023
PADA 5 JULAI 2023 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Pada 6 Jun yang lalu, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengumumkan pelantikan **Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan** yang baharu iaitu **YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim** berkuatkuasa mulai 6 Jun 2023.
6. Mewakili pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah & selamat datang ke Negeri Sembilan kepada **YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim** atas pelantikan sebagai **Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**. Pastinya kehadiran YB Dato' akan dapat memacu lebih banyak lagi kecemerlangan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. In Shaa Allah.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

7. Pada 13 Jun yang lalu, telah diadakan satu majlis penyerahan kunci bagi Perumahan PR1MA di Residensi Seremban Sentral yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar yang turut dihadiri oleh YB Menteri KPKT & Menteri Pengangkutan Malaysia.
8. Dalam ucapan perasmian tersebut YAB Menteri Besar turut memaklumkan bahawa Daerah Seremban sentiasa menjadi tumpuan ekoran kedudukan yang strategik dan berdekatan dengan lembah klang. Sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Negeri Sembilan, daerah Seremban mempunyai peranan dan merupakan titik tumpuan pembangunan daripada aspek geografi dan ekonomi.
9. Kedudukan Seremban sebagai sebahagian **Konurbasi Kuala Lumpur** merupakan salah satu daripada kekuatan yang diperolehi oleh daerah ini. Ia merupakan pintu masuk utama selatan Konurbasi Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Seremban dan Nilai juga dapat menarik ramai pelabur yang awalnya ingin membuka ibu pejabat di sekitar Lembah Klang, kerana kos operasi di dua bandar ini jauh lebih kompetitif. Perkara ini menjadikan Seremban sebagai destinasi pilihan bagi tempat tinggal bagi anak watan Negeri Sembilan termasuk bagi mereka yang bekerja di Lembah Klang.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

10. Hasil daripada pembangunan baru ini, secara tidak langsung telah menyumbang kepada pertumbuhan urbanisasi dan peningkatan taraf hidup warga Seremban serta kematangan pasaran harta tanah di negeri ini. Sedar tidak sedar, semakin banyak perumahan-perumahan baharu yang telah dibangunkan dan *trend* penduduk di Seremban turut semakin meningkat. Sekaligus, ia mampu menjamin kepada peningkatan hasil Majlis tahun demi tahun.
11. Sehubungan dengan itu, sebagai PBT di Seremban, kita hendaklah memainkan peranan demi menjayakan visi & misi MBS. Objektif dan fungsi MBS yang termaktub seperti menyediakan, menyelenggara, mengawalselia, memperkuuh, mempertingkatkan dan memastikan kesejahteraan penduduk di Bandaraya Seremban ini merupakan cerminan masyarakat dalam dan luar Seremban terhadap kemampuan MBS bagi memastikan warga Bandar Raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

12. Sehingga 2 Julai 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122,152,498.36)

Prestasi = **RM75,441,779.55 (52.50%)**

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM25,124,379.24)

Prestasi = **RM11,912,994.57 (14.22%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142,100,000)

Prestasi = **RM81,516,381.79 (57.37%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205,500,000)

Prestasi = **RM114,864,338.20 (55.90%)**

(e) Belanja Mengurus (RM213,243,000)

Prestasi = **RM95,025,524.77 (44.56%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15,747,000)

Prestasi = **RM2,016,808.42 (12.81%)**

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

13. Sehingga 3 Jun 2023, MBS telah menjalankan aktiviti :
 - Kawalan *fogging* di **35,493** buah premis
 - *ULV* di **37,380** buah premis
 - *Larvaciding & source reduction* di **40** lokaliti
 - Gotong royong di **58** buah taman
 - **178** aktiviti sanitasi & disinfeksi
14. Aktiviti ini adalah penting kerana terdapat 2 kes denggi yang menyebabkan kematian di Seremban sehingga Jun 2023.
15. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sehingga 9 Jun 2023 mencatatkan;
 - a. **Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**
24 kematian Covid-19 dan 198 kematian biasa,
 - b. **Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**
541 kematian covid-19 dan 367 kematian biasa,
 - c. **Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**
653 kematian biasa,
 - d. **Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 9 Jun 2023.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

16. Satu Sesi Konsultasi Permohonan Lesen Kilang Perusahaan Di Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 08 Jun 2023 bertempat di Bilik Ruang Dato Dagang Paroi, Wisma MBS. Sesi ini bertujuan membantu pengilang di kawasan Majlis Bandaraya Seremban untuk mendapat kelulusan lesen perniagaan. Agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan BOMBA, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan sebanyak 35 syarikat turut telah menghadiri sesi pra konsultasi ini.
17. Pada 10 Jun 2023, Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran MBS telah mengambil bahagian dalam Program GORO Mega dan Pelancaran One Hour Malaysia Clean Up Serta Penubuhan COMBI Orang Asli Kampung Kolam Air, Pantai, Negeri Sembilan yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Dr. Lokman bin Rejali.
18. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu kerja-kerja mencegah dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di sekitar kawasan kampung orang asli tersebut. Pihak jabatan juga telah mengadakan pameran Seremban Bebas Plastik serta pameran mesin fogging dan mesin ULV pada program tersebut. Jabatan dan agensi kerajaan lain yang turut mengambil bahagian dalam program ini antaranya ialah Jabatan Perhilitan Negeri Sembilan, Jabatan Pembangunan Orang Asli, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, SWCorp dan SWM Environment Sdn. Bhd.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

MESYUARAT LEMBAGA MENDENGAR BANTAHAN/ RAYUAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 2/2023

19. Untuk makluman ahli mesyuarat, pihak Majlis telah mencetak dan menghantar 5,182 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian (KPSN) pada 2 Mei 2023 dan 9 Mei 2023 yang lalu. Susulan daripada Notis tersebut, pihak Majlis telah menerima bantahan daripada pemilik harta yang tidak berpuas hati ke atas cadangan cukai taksiran yang baru.
20. Jumlah pemilik harta yang membuat bantahan adalah sebanyak 37 orang daripada 5,182 harta atau 0.7% daripada jumlah harta yang terlibat dengan pindaan cukai taksiran. 37 harta tersebut adalah terdiri daripada kawasan kediaman sebanyak 31 harta (84%), industri 3 harta (8%) dan perniagaan 3 harta (8%)
21. Semua pemilik harta yang membuat bantahan telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Mendengar Bantahan / Rayuan Cukai Taksiran Penggal 2/2023 yang telah diadakan pada 20 Jun 2023 di Bilik Dato' Shahbandar, Wisma MBS. Mesyuarat tersebut diadakan bagi memberikan peluang kepada pemilik untuk mengemukakan bantahan atau rayuan berhubung cadangan cukai taksiran baru kepada Majlis.

22. Seramai 23 pemilik harta telah hadir dan diberikan ruang untuk membuat bantahan dan rayuan. Pihak Majlis turut telah memberikan penjelasan dan menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pemilik harta berkaitan cukai taksiran dan isu-isu lain berkaitan Majlis. Pihak Majlis akan mengeluarkan surat keputusan ke atas bantahan / rayuan tersebut dalam masa 14 hari kepada semua pemilik harta yang membuat bantahan.

SUMBER : JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

CABARAN WIRA SEREMBAN 2023

23. Pada 28 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan bersama Sunrise MCL Land Sdn Bhd telah menanjurkan program Cabaran Wira Seremban 2023 di sekitar Forest Heights.
24. Seramai 1000 orang peserta dari dalam & luar Negeri Sembilan berjaya dikumpulkan dalam acara ini. Acara yang bermula seawal jam 6.00 pagi ini menyediakan laluan sepanjang 6KM dengan 10 jenis halangan berbeza disediakan bagi menguji ketahan fizikal & mental peserta.

25. Terima kasih saya ucapkan kepada urusetia, penganjur dalam usaha gigih menjayakan Cabaran Wira Seremban 2023. Selain itu, terima kasih juga untuk Jabatan Bomba & Penyelamat, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang turut membantu bagi langkah berjaga-jaga sepanjang acara ini.

PESTA BUDAYA NUSANTARA SEMPENA TAHUN MELAWAT IPOH 2023

26. Selain itu, pada 9 hingga 12 Jun 2023 yang lalu, telah diadakan Pesta Budaya Nusantara Sempena Tahun Melawat Ipoh 2023 di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Majlis Bandaraya Seremban juga tidak ketinggalan dalam mengambil bahagian untuk membuat persembahan kebudayaan sempena program ini diadakan buat julung kalinya. Pesta ini turut dihadiri oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) & Tourism Malaysia. Untuk makluman semua, pada kali ini pasukan tarian MBS buat kali pertamanya dianggotai oleh kakitangan MBS sendiri. Ucapan tahniah kepada kesemua peserta dan ketua jabatan yang memberikan peluang kepada kakitangan untuk sertai program seperti ini.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

27. Rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa adalah contoh-contoh kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib. Salah guna kuasa boleh didefinisikan apabila seorang pegawai/kakitangan Majlis menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan. Ia sebenarnya merupakan satu perbuatan rasuah yang perlu ditolak dan dihina. Ia juga selaras dengan Peraturan 4. (2), Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998.
28. Oleh itu, seorang pegawai/kakitangan Majlis haruslah menerapkan nilai-nilai integriti dan membentuk tadbir urus yang baik di dalam diri masing-masing mewakili jabatan/unit untuk memastikan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan terhadap orang awam. Selain menjaga nama baik Majlis, ini boleh membantu seorang pegawai/kakitangan daripada dikenakan tindakan tatatertib.
29. Walau bagaimanapun, integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas, bukan sahaja bermakna perlu menjauhkan diri daripada melakukan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Sebagai seorang pegawai/kakitangan Majlis, undang-undang dan peraturan haruslah dipatuhi dan diikuti memandangkan apa-apa sahaja yang kita lakukan, ia mencerminkan nama baik Majlis.

30. Sehubungan dengan itu, seorang pegawai/kakitangan Majlis hendaklah berani melaporkan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa mahupun jenayah yang berlaku tidak kira siapa dan kedudukan mereka dalam Majlis. Undang-undang sedia ada mencukupi untuk melindungi mereka yang membuat laporan tersebut. Sikap “tidak mahu menjaga tepi kain orang” atau “tidak mahu menabur pasir dalam periuk nasi orang” perlu dikikis. Hal ini kerana isu keruntuhan integriti ini bukan lagi isu individu atau isu dalaman Majlis tetapi merupakan isu kita semua bersama. Ini membantu pembanterasan dan penyelesaian kes-kes rasuah dengan lebih efisyen dan berkesan.

SUMBER : UNIT INTEGRITI

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM

31. Untuk makluman, Unit Audit Dalam (UAD) sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengauditan dari masa ke semasa. Saya dan seluruh pengurusan tertinggi MBS ingin menzahirkan komitmen yang tinggi terhadap pelaporan yang dikemukakan seterusnya memastikan tindakan penambahbaikan boleh dibuat mengikut syor yang dikemukakan. Laporan yang sedang berjalan ialah :

- i. Pelaksanaan Audit Bahasa Melayu 2023 oleh Dewan Bahasa & Pustaka
- ii. Pengauditan Myportfolio oleh MAMPU
- iii. Kajian Keberkesanan Papan Iklan LED Milik MBS
- iv. Pengauditan Pengurusan Kubur
- v. Pengauditan Aset Majlis Dalam Penyata Kewangan

PENUTUP

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

32. Alhamdulillah, pada 29 Jun yang lalu, masyarakat dan umat islam telah menyambut Hari Raya Aidiladha. Banyak ibrah yang boleh dirakam ketika ibadah haji dan korban, antaranya wujud satu semangat dan iltizam baharu menjana perubahan buat diri, keluarga, masyarakat dan negara. Tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Mengorbankan tenaga, wang dan masa untuk membina negara sejahtera dan makmur untuk semua merupakan satu usaha suci dan murni.
33. Konsep pengorbanan bukan hanya terbatas pada ibadah semata-mata bahkan ia harus diterapkan dalam apa saja pekerjaan termasuk dalam menjalankan tugas. Konsep pengorbanan ini sebenarnya juga amat signifikan dan perlu dihayati dalam konteks melaksanakan tanggungjawab. Kesungguhan bekerja, kesanggupan melakukan tugas-tugas walaupun melebihi masa dan kadar upah yang diterima. Pengorbanan dalam menjalankan tugas mencerminkan keikhlasan seterusnya manjadikannya sebagai salah satu ibadah.
34. Selain itu, sinergi dan kebersamaan penting dalam mencipta kejayaan luar biasa. Kesatuan niat dan tindakan akan membolehkan segala perbezaan, lebih-lebih lagi yang remeh-temeh dapat diketepikan demi mencapai hasrat yang lebih besar dan murni. Segala perbezaan yang ada tidak menjadi penghalang, bahkan menjadi satu resipi yang baik dalam meraikan kepelbagaian.

35. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat berangkat pulang ke tanah air kepada kesemua tetamu Allah SWT yang telah terpilih untuk melaksanakan Ibadah Haji pada tahun ini. Saya juga dimaklumkan terdapat beberapa orang pegawai MBS yang turut dipilih untuk melaksanakan ibadah Haji pada tahun ini, semoga kesemua para jemaah Haji sentiasa berada dalam keadaan yang baik, sejahtera dan memperolehi Haji yang mabrur.In Shaa Allah.
36. Akhir kata, saya berharap warga kerja MBS akan sentiasa terus menumpukan usaha dalam menambahbaik dan memajukan Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga Bandaraya. Gerak kerja yang dilaksanakan oleh setiap warga MBS sememangnya menyumbang kepada kejayaan MBS dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi kepada kesejahteraan warga Bandaraya Seremban.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
5 JULAI 2023